



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PENILAIAN MBE 12302 PROJEK SARJANA 1
PROGRAM SARJANA PTV (KERJA KURSUS)
FAKULTI PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL**

1) Pengenalan

MBE 12302 Projek Sarjana 1 adalah salah satu dari kursus teras program Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (Kerja Kursus) yang ditadbir secara penaksiran kerja kursus sepenuhnya.

Penaksiran markah MBE 12302 Projek Sarjana 1 terbahagi kepada 2 komponen, iaitu

- i. Markah Penyeliaan : Interaksi dan Draf Proposal (**60 markah**)
- ii. Markah Seminar : Persembahan dan Draf Proposal (**40 markah**)

2) Borang berkaitan

- i. Cadangan Tajuk Kajian (FPTV.JIP.PS1.DT.01)
- ii. Helaian Log (FPTV.PS.LOG)
- iii. Borang Pengesahan Penyelia : Kebenaran Pembentangan (FPTV.PU.PS1.01)
*dilampirkan bersama laporan Proposal PS1.
- iv. Borang Pengesahan Ketua Panel Penilai. (FPTV.PP.PS1.01a)
- v. Borang Penilaian Pusat Pengajian Siswazah UTHM.

3) PanduanUmum

- Peperiksaan Akhir MBE 12302 Projek Sarjana 1 adalah dalam bentuk pembentangan lisan dalam sesi Seminar Projek Sarjana 1. Pelajar wajib membentangkan kertas cadangan dalam seminar ini yang akan dipengerusikan oleh seorang Ketua Panel Penilai dan sekurang-kurangnya seorang ahli panel penilai yang dilantik oleh fakulti.
- Seminar tersebut akan diadakan pada Minggu 13 dan akan dipengerusikan oleh seorang Ketua Panel Penilai yang telah dilantik, berserta sekurang-kurangnya seorang Panel Penilai.

- Syarat layak menduduki sesi pembentangan Seminar Projek Sarjana 1, pelajar perlu menyerahkan kepada Ketua Panel Penilai dan Ahli Panel Penilai pada **hari pertama Minggu 12;**
 - 1) Senaskah spiral binding Kertas Cadangan MBE 12302 Projek Sarjana 1
 - 2) Borang Pengesahan Penyelia*


Guna borang FPTV.PU.PS1.01-Borang Pengesahan Penyelia bagi kebenaran pembentangan dan dilampirkan sekali bersama laporan proposal.

*Pelajar mesti hadir tidak kurang dari 80% masa pertemuan yang ditentukan bagi sesuatu mata pelajaran.
- Setiap pelajar diperuntukkan masa **15 minit** untuk membentangkan proposal masing-masing. Dicadangkan **15 minit** pertama digunakan untuk persembahan dan **15 minit** lagi untuk sesi soal jawab.
- Panel Penilai akan memberikan markah berdasarkan
 - i) Laporan Bertulis Kertas Cadangan yang dikemukakan.
 - ii) Prestasi penjelasan calon dalam sesi seminar tersebut.
- Penyelia memberi markah kepada prestasi laporan penyeliaan pelajar yang mencakupi
 - i) Laporan Bertulis Kertas Cadangan pra-pembentangan.
 - ii) Komitmen kepatuhan calon sebelum pelajar menghadiri seminar.
- Gred pemarkahan adalah berdasarkan Peraturan Pusat Pengajian Siswazah Edisi 2011. Jadual gred seperti Jadual 1.

Jadual 1: Markah, Gred dan Pencapaian

Marks	Grade	Grade Points	Achievement Level
85 - 100	A+	4.00	Pass with Distinction
80 - 84	A	4.00	Pass with Distinction
75 - 79	A-	3.70	Pass with Distinction
70 - 74	B+	3.30	Pass with Merit
65 - 69	B	3.00	Pass with Merit
60 - 64	B-	2.70	Pass
55 - 59	C+	2.30	Fail
50 - 54	C	2.00	Fail
45 - 49	C-	1.70	Fail
40 - 44	D	1.00	Fail
00 - 39	E	0.0	Fail

■ Carta alir penilaian Projek Sarjana 1



Panduan Format Laporan Pembentangan Seminar Projek Sarjana 1– MBE 12302

- Dengan peruntukan masa yang terbatas (**15 minit untuk persembahan**), para pelajar dinasihati mengolah bahan mereka supaya tepat, ringkas dan menarik.
- Aspek berikut merupakan fokus utama panel penilai.
 - Tajuk
 - Pengenalan
 - Kajian Literatur
 - Methodologi
 - Jangkaan Dapatan
 - Rujukan
- Sebagai penambahbaikan ke arah Projek Sarjana yang berkualiti, maka dalam draf proposal beberapa kriteria perlu dipenuhi:
 - Bab 1 hingga Bab 3 (ditulismengikut format UTHM terkini)
 - Carta Gantt
 - Sekurang-kurangnya menyediakan draf instrument kajian atau draf soalan berstruktur temubual.
 - Bagi instrument kajian yang telah lengkap, keputusan kepada kesahan dan kebolehpercayaan instrumen(melalui kajian rintis) perlu dinyatakan dalam Bab 3
 - Log interaksi pelajar dan penyelia : Minimum 10 pertemuan (80% kehadiran)
- **Masa Seminar**
 - Seminar akan dilaksanakan berdasarkan tarikh yang terdapat pada jadual yang di lampirkan.
- **Lokasi Seminar**
 - Seminar akan berlangsung serentak di pelbagai lokasi yang disenaraikan diantaranya adalah
 - ❖ Bilik Tutorial 1, 2, 3 dan 4
 - ❖ Studio Pendidikan
 - ❖ Bilik Seminar
 - ❖ Studio Tayangan Teater (Makmal Video Digital)
 - ❖ Makmal Audio
 - ❖ Makmal Pengajian Mikro
 - ❖ Makmal Pengajian Mikro 2
 - ❖ Makmal Fotografi
 - ❖ Makmal Komputer Comptia (Studio Komputer Senibina)
 - ❖ Makmal Pengajaran Multimedia dan IT
 - ❖ Makmal Komputer Umum

Ketua Panel Penilai Projek Sarjana 1

Berikut merupakan beberapa perkara yang dicadangkan untuk ditadbir selia oleh Ketua Panel Penilai:

- Menentukan seminar berlangsung dengan baik.
- Mempersilakan panel penilai dan pelajar berada di lokasi tepat pada waktunya.
- Mengawasi persembahan pelajar supaya patuh kepada peruntukan masa 15 minit pembentangan dan 15 minit sesi Q&A.

Mengumpul satu set markah dari panel penilai iaitu Borang **PS.04/02/2011(a1)

PS.04/02/2011(a2) dan **PS.04/02/2011(a3)** untuk diserahkan di Pejabat FPTV sebaik pelajar tamat membentangkan persembahannya.

Panel Penilai Seminar Projek Sarjana 1

Panel Penilai akan melaksanakan tanggungjawab berikut:

- Menerima, membaca, menilai dan memberi markah Laporan Bertulis Proposal Akhir yang telah disahkan oleh penyelia dari pelajar.
- Hadir dan menilai persembahan pelajar pada sesi dimana pelajar yang dinilai membentangkan persembahannya.
- Menyerahkan markah penilaian kepada Ketua Panel Penilai sebaik pelajar selesai membentangkan persembahannya.
- Pelajar akan mendapat maklumbalas dari penilai melalui borang **FPTV.PP.PS1.01a**.

Peranan Penyelia Projek Sarjana 1

Berikut merupakan beberapa perkara yang perlu dilaksanakan oleh Penyelia Projek Sarjana 1:

- Menyemak dan mengesahkan Laporan Bertulis Proposal Akhir pelajar yang diselia – sekiranya telah memenuhi kriteria layak untuk dinilai.
- Memberi markah Laporan Bertulis Proposal Akhir berdasarkan prestasi keseluruhan pelajar yang diselia pada **Minggu ke 11** dan diserahkan kepada Pejabat Am FPTV.
- Digalakkan hadir di Seminar Projek Sarjana 1 semasa pelajar yang diselia mengadakan pembentangan.

MAKLUMAN:

- **Ketua Panel Penilai Projek Sarjana 1 hanya perlu menghantar SATU SET markah Panel Penilai bagi setiap pelajar yang dinilai menggunakan borang PS.04/02/2011(a1), PS.04/02/2011(a2), PS.04/02/2011(a3) ke Pejabat Am Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional.**

Jawatankuasa Pasca Ijazah FPTV
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional